

17/02/2001

Jangan lepas geram dalam perhimpunan

RAPAT umum anjuran Datuk Ibrahim Ali dan kawan-kawannya baru-baru ini masih menjadi bahan perdebatan, terutama di kalangan anggota Umno. Ibrahim mengadakan perjumpaan 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia' kononnya untuk memberikan semangat baru kepada bangsa Melayu agar bersatu-padu demi kepentingan bangsa dan negara.

Tetapi rapat umum itu akhirnya bertukar menjadi satu forum untuk mengecam Umno dan pemimpin-pemimpin Umno. Disebabkan demikian, perjumpaan itu tidak memenuhi maksud sebenar penajanya.

Ibrahim bagaimanapun mempertahankan perjumpaan itu kerana ia membuka ruang kepada rakyat untuk menyatakan pendapat mereka secara terus-terang. Apabila dicabar, beliau mengajak pemimpin Umno supaya turun ke padang menemui rakyat.

Tan Sri Awang Had Salleh membuat kenyataan bahawa dia tertipu kerana menghadiri perjumpaan itu. Memang ramai yang kemudiannya bersungut bahawa rapat umum itu tidak menepati harapan mereka, iaitu untuk membincangkan masalah orang Melayu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan bahawa akibat daripada perjumpaan itu, orang Melayu terbahagi kepada empat golongan - satu golongan terdiri daripada Umno sendiri, pembangkang iaitu Pas dan Keadilan serta mereka yang bergabung dalam perjumpaan 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia'.

Saya sendiri berpendapat bahawa perjumpaan itu sepatutnya membincangkan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu sekarang yang rata-rata berasa bahawa sesuatu usaha harus dijalankan untuk memulihkan kembali perpaduan bangsa Melayu.

Sesetengah pemerhati memang dari mula meragui rapat umum berkenaan kerana penajanya boleh dikatakan terdiri daripada pemimpin yang sudah bersara daripada politik Umno.

Ramai juga yang bertanya adakah perjumpaan itu dimaksudkan bagi membuka jalan kepada pemimpin berkenaan untuk kembali aktif dalam politik?

Walaupun antara nama yang disebutkan sebagai penaja debat itu, termasuk nama Tun Ghafar Baba, sebenarnya mereka yang aktif mengendalikan perdebatan itu ialah Ibrahim dan kawan-kawannya.

Kalangan Umno sendiri berasa musykil kerana rapat umum itu diadakan tanpa pengetahuan Majlis Tertinggi sedangkan mereka yang menganjurkannya terdiri daripada tokoh Umno sendiri.

Akibatnya, perjumpaan itu bertukar menjadi perjumpaan dan forum untuk mengkritik Umno dan pucuk pimpinannya.

Sekarang orang bertanya adakah wajar penaja perjumpaan itu diambil tindakan disiplin oleh parti?

Menurut rancangan penajanya, perjumpaan itu memutuskan untuk Tun Ghafar dan beberapa orang tertentu menyusun satu memorandum yang bakal dirujuk kepada pucuk pimpinan Umno.

Penaja perjumpaan itu pula dikatakan akan mengadakan 'road show' di seluruh negara pada masa depan.

Tentu sekali kesan daripada 'road show' itu tidak akan menguntungkan Umno kerana ia akan membuka ruang untuk ahli-ahli Umno sendiri mengecam dan mengkritik kepemimpinan Umno.

Setakat ini, tidak diketahui bilakah 'road show' itu akan diadakan atau dimulakan. Bagaimanapun, perjumpaan itu sudah pun memperlihatkan ciri-ciri yang tidak sihat di dalam parti kerana bertukar menjadi satu forum yang

mengkiritik Umno dan kepemimpinannya.

Adakah keadaan seperti ini akan berulang sekiranya perjumpaan 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia' ini menjelajah ke seluruh negara?

Sebagai anggota Umno, sebarang pendapat dan kritikan wajar disalurkan kepada parti. Inilah disiplin yang mengikat setiap anggota, iaitu menggunakan saluran parti untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka.

Mengkritik parti di luar saluran bererti melanggar disiplin parti dan sekiranya kesalahan itu berat, mereka yang melanggarnya akan diambil tindakan disiplin.

Presiden parti sendiri menyatakan bahawa orang Melayu sekarang telah berpecah kepada empat golongan. Dengan lain perkataan, rapat umum 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' itu dianggap sebagai faktor yang membawa kepada perpecahan yang serius kepada bangsa Melayu.

Sesetengah pihak berasakan pada masa ini tidaklah elok sekiranya orang Melayu sendiri bertindak secara yang boleh menambahkan tenat penyakit yang menimpa bangsa Melayu sekarang.

Adalah lebih baik kita membatasi nafsu untuk bertindak secara yang boleh menambahkan tenat lagi penyakit itu sekalipun kita mempunyai agenda sendiri.

(END)